

# RINGKASAN EKSEKUTIF

## DASAR & STRATEGI PEMBASMIAN **SETINGGAN MALAYSIA**

Disediakan oleh :



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
*Pulau Pinang*

Untuk :



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
*Malaysia*

**APRIL 2001**

- 4 SEP 2003

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 0122668

307.3441609895

RIN



Sukacita dimaklumkan bahawa laporan ini merupakan Hak Milik Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Oleh itu, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi laporan ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

# MAKLUMAN

Laporan-laporan Kajian Pengawalan Dan Penempatan Semula Setingan Peringkat Nasional - Bahagian II : Seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) telah dikemuka dan diserahkan mengikut aturan yang terdapat dalam TOR (Syarat Rujukan) kajian pada tarikh seperti berikut :

<u>Jenis-Jenis Laporan</u>		<u>Tarikh</u>
1. Laporan Awal (Seluruh Malaysia)	-	22 hb. Jun 1999
2. Laporan Interim (Seluruh Malaysia)	-	30 hb. Oktober 1999
3. Laporan Teknikal (mengikut Negeri-Negeri) ( <i>penghantaran laporan berperingkat-peringkat</i> )		
<input type="checkbox"/> Negeri Sabah	}	14 hb. Februari 2000
<input type="checkbox"/> Negeri Kelantan		
<input type="checkbox"/> Negeri Sembilan		
<input type="checkbox"/> Negeri Melaka		
<input type="checkbox"/> Sistem Maklumat Setingan (SMS)		
<input type="checkbox"/> Negeri Perlis	}	23 hb. Mac 2000
<input type="checkbox"/> Negeri Pulau Pinang		
<input type="checkbox"/> Negeri Perak		
<input type="checkbox"/> Negeri Pahang		
<input type="checkbox"/> Negeri Terengganu		
<input type="checkbox"/> Negeri Kedah	-	14 hb. April 2000
<input type="checkbox"/> Negeri Johor	-	20 hb. April 2000
<input type="checkbox"/> Negeri Sarawak	-	16 hb. Mei 2000
4. Draf Laporan Akhir / Laporan Akhir (mengikut Negeri-Negeri) ( <i>penghantaran laporan berperingkat-peringkat</i> )		
<input type="checkbox"/> Negeri Perak	}	25 hb. Ogos 2000
<input type="checkbox"/> Negeri Kelantan		
<input type="checkbox"/> Negeri Johor		
<input type="checkbox"/> Negeri Sabah		
<input type="checkbox"/> Negeri Perlis	}	20 hb. September 2000
<input type="checkbox"/> Negeri Pulau Pinang		
<input type="checkbox"/> Negeri Kedah		
<input type="checkbox"/> Negeri Terengganu		
<input type="checkbox"/> Negeri Pahang	}	24 hb. November 2000
<input type="checkbox"/> Negeri Melaka		
<input type="checkbox"/> Negeri Sembilan		
<input type="checkbox"/> Negeri Sarawak	-	20 hb. Disember 2000
5. Laporan Cadangan Dasar Dan Strategi Pembasmian Setingan Di Malaysia	-	April 2001

# PEMBERITAHUAN

Laporan Ringkasan Eksekutif ini merupakan ringkasan daripada *Laporan Cadangan Dasar dan Strategi Pembasmian Setinggan di Malaysia* (kecuali Negeri Selangor), April 2001 secara terperinci yang merangkumi pelbagai tahap kerajaan iaitu peringkat Nasional, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Kajian Pengawasan dan Penempatan Semula Setinggan Peringkat Nasional – Bahagian I : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telahpun siap disempurnakan oleh pihak USM dan dihantar kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada bulan Disember 1999 manakala Negeri Selangor, pihak USM tidak menjalankan kajian setinggan di negeri tersebut kerana pihak UiTM (Shah Alam) telahpun menjalankan kajian tersebut terlebih dahulu pada tahun 1998. Bagi menyempurnakan dan menyiapkan **Kajian Pengawasan dan Penempatan Semula Setinggan Peringkat Nasional - Bahagian II : Seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)** ini, pihak USM telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan bancian setinggan secara 100% di kampung-kampung setinggan seluruh Malaysia dengan menggunakan borang bancian soal selidik yang telah dipersetujui bersama oleh Pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan pihak USM.

Mengikut bancian 1999, **jumlah sebenar** penduduk setinggan di seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor) ialah sejumlah **409 792 orang**. Manakala **jumlah sebenar** bangunan setinggan secara keseluruhannya pula ialah sejumlah **91 105 unit** dengan bangunan kediaman sahaja mencatatkan sejumlah **88 264 unit**. Walau bagaimanapun, jumlah penduduk setinggan, ketua isi rumah setinggan dan penduduk setinggan yang **dibanci** di Seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor) adalah seperti berikut :

- Jumlah penduduk setinggan : **389 489 orang**
- Jumlah ketua isi rumah setinggan : **82 583 orang**
- Jumlah bangunan setinggan : **84 802 unit**
- Jumlah bangunan kediaman setinggan : **82 583 unit**
- Jumlah isi rumah setinggan : **102 373 isi rumah**

## Maklumat Bilangan Kampung, Penduduk, Bangunan Dan Bangunan Kediaman Setinggan Di Seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor), 1999

Negeri	Kampung	Penduduk		Bangunan Setinggan		Bangunan Kediaman	
		Sebenar	Dibanci	Sebenar	Dibanci	Sebenar	Dibanci
W.P. Kuala Lumpur	197	134 345	129 129	26 941	25 066	25 845	23 970
Sabah	143	148 099	144 312	32 235	30 882	30 870	30 079
W.P. Labuan	1	5 978	5 978	1 315	1 315	1 315	1 315
Johor	74	30 832	29 157	7 708	7 360	7 628	7 280
Pulau Pinang	26	6 985	6 763	2 009	1 871	1 879	1 803
Perlis	22	6 558	4 807	1 380	1 015	1 367	1 002
Perak	118	14 991	13 393	3 945	3 548	3 937	3 540
Sarawak	75	29 173	27 962	8 268	7 399	8 246	7 377
Malaka	5	196	145	56	42	56	42
Negeri Sembilan	9	1 460	1 130	256	196	256	196
Terengganu	12	3 915	3 155	792	640	786	632
Kelantan	26	9 927	7 682	2 052	1 702	2 004	1 654
Pahang	23	4 511	3 691	1 074	869	1 074	869
Kedah	58	12 822	12 185	3 074	2 897	3 001	2 824
<b>Jumlah</b>	<b>789</b>	<b>409 792</b>	<b>389 489</b>	<b>91 105</b>	<b>84 802</b>	<b>88 264</b>	<b>82 583</b>

Sumber : Pakar Runding USM, 1999

# **PENGHARGAAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa Pakar Runding Universiti Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada :

## **YB MENTERI**

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

## **KETUA SETIAUSAHA**

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

## **KETUA PENGARAH**

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

## **PENGARAH**

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan,  
Kementerian Kewangan (Perbendaharaan)

## **PAKAR RUNDING**

Sukacita dimaklumkan bahawa kajian ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Universiti Sains Malaysia. Kakitangan Universiti Sains Malaysia yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut :

**PROFESOR DR. IBRAHIM WAHAB**

MCIT, PKT, AMP, DJN  
(Ketua Projek)

**PROF. MADYA DR. ALIP RAHIM**  
**PROF. MADYA DR. ABDULLAH EMBONG**  
**PROF. MADYA DR. JULAIHI WAHID**  
**DR. RAHMAT AZAM MUSTAFA**  
**DR. HASSIM MAT**  
**DR. NURWATI BADARUL ZAMAN**  
**DR. BADARUDIN MOHAMED**  
**DR. KAMARUDIN NGAH**  
**DR. MOHD FADZIL MOHD IDRIS**  
**WAN MARIAH WAN HARUN**  
**ABU HASSAN ABU BAKAR**  
**AZFIZAN AZIZ**

Pembantu-Pembantu Lain :

**AZRUL MIZAM OTHMAN**  
**NORLIZA ZAINOL ABIDIN**  
**NOR AZMAN SHAHIRAN**  
**MOHD. SHAMSUDDIN OTHMAN**  
**MOHD. HARDY AZMIR MAJID**  
**NORLIZA DIN**

Kakitangan akademik ini telah dibantu oleh 3 orang Penolong Pegawai Penyelidik, seorang Pelukis Pelan, 4 orang kakitangan sokongan dan teknikal, 5 orang kakitangan pentadbiran dan lebih kurang 150 orang pelajar Universiti Sains Malaysia.

## **JAWATANKUASA PEMANDU**

1. **Yg. Bhg. DATO' MUHAMMAD MOHD. NOOR**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perumahan Negara, KPKT.
2. **BAHARUDDIN MAT ASEK**  
Pengarah,  
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan,  
Jabatan Perumahan Negara, KPKT.
3. **NOR HISHAM AHMAD DAHLAN**  
Penolong Pengarah,  
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan,  
Jabatan Perumahan Negara, KPKT.
4. **WAKIL PIHAK**  
Unit Perancangan Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri.
5. **WAKIL PIHAK**  
Unit Penyelarasan & Pelaksanaan,  
Jabatan Perdana Menteri.
6. **WAKIL PIHAK**  
Bahagian Pengurusan & Perolehan Kerajaan,  
Kementerian Kewangan.

## **JAWATANKUASA TEKNIKAL**

- 1. BAHARUDDIN MAT ASEK**  
Pengarah,  
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan,  
Jabatan Perumahan Negara, KPKT.
- 2. NOR HISHAM AHMAD DAHLAN**  
Penolong Pengarah,  
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan,  
Jabatan Perumahan Negara, KPKT.
- 3. AINUDDIN ABD. RAHMAN**  
Penolong Pengarah,  
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan,  
Jabatan Perumahan Negara, KPKT.
- 4. MOHAMED FUZI CHE MAN**  
Penolong Pegawai Penyelidik,  
Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan,  
Jabatan Perumahan Negara, KPKT.



# ABSTRAK

Di Malaysia arah pertumbuhan bandar banyak tertumpu kepada aktiviti perindustrian dan ia memberi kesan kepada pertambahan peluang pekerjaan dan perbandaran. Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat antara tahun 1991 hingga 1997 telah memberikan sumbangan yang besar kepada struktur perubahan sosial dan ekonomi negara yang mengarah kepada perkembangan pesat perindustrian dan perbandaran. Dengan itu juga peluang ekonomi yang lebih besar di pusat-pusat bandar terus menarik migrasi masuk. Ini mengakibatkan tumpuan penduduk di pusat-pusat bandar semakin meningkat dan menyebabkan kewujudan kawasan petempatan setinggan. Dengan itu pelbagai isu-isu dan masalah berkaitan sosio-ekonomi, fizikal dan politik telah wujud di kawasan setinggan dan kawasan sekitarnya. Bagi menangani permasalahan setinggan di seluruh Malaysia maka digariskan dua (2) tujuan utama kajian ini iaitu:

1. *Pembentukan cadangan pelan tindakan dasar, strategi dan garispanduan berkaitan pengawalan dan penempatan semula setinggan;*
2. *Membangunkan Sistem Maklumat Setinggan Berkomputer (SMS).*

Dari segi objektif kajiannya pula, terdapat enam (6) objektif utama, iaitu :

- i. *Menenalpasti isu dan masalah sebenar setinggan di seluruh Malaysia;*
- ii. *Meneliti dasar, strategi dan garispanduan pengawalan dan penempatan semula setinggan yang sediaada;*
- iii. *Meneliti struktur organisasi dan kaedah/pendekatan penyelesaian masalah setinggan yang sediaada;*
- iv. *Menenalpasti punca-punca sebenar wujudnya setinggan;*
- v. *Merangka cadangan pelan tindakan dasar, strategi dan garispanduan pengawalan dan penempatan semula setinggan; dan*
- vi. *Membangunkan Sistem Maklumat Setinggan Berkomputer (SMS).*

Penemuan kajian (USM) dianggarkan jumlah sebenar penduduk setinggan seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor) ialah 409 792 orang. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk seluruh Malaysia pada tahun 2000 sebanyak 22 202 614 orang dengan penduduk setinggan ialah sebanyak 1.8%. Sementara itu, bangunan setinggan pula dianggarkan sebanyak 91 105 unit dan bangunan kediaman sebanyak 88 264 unit. Jumlah isi rumah setinggan seluruh Malaysia pula sejumlah 102 373 isi rumah. Dari segi jumlah kampung setinggan seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor) adalah sebanyak 789 buah kampung dan paling banyak terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (197 buah), Negeri Sabah (143 buah) dan Negeri Perak (118 buah).

Kebanyakan petempatan setinggan terdapat di kawasan-kawasan pantai (atas laut), bekas-bekas lombong, rezab jalan, rezab sungai, rezab keretapi dan kawasan pinggir bandar yang belum dibangunkan lagi. Dari segi komposisi penduduk setinggan didapati etnik Melayu mendominasi hampir kesemua petempatan setinggan di Malaysia dengan majoritinya (98.0%) dan Negeri Kelantan (89.0%). Kewujudan warga asing di kawasan setinggan tanpa kawalan juga turut mengakibatkan pelbagai implikasi seperti petempatan warga asing, masalah sosial dan jenayah. Penduduk setinggan warga asing paling ramai terdapat di Negeri Sabah sejumlah 10.2%, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2.7%) dan Wilayah Persekutuan Labuan (0.9%). Selain itu terdapatnya sebilangan penduduk yang tiada pelajaran formal dan berpendidikan sekolah rendah mengakibatkan mereka terpinggir dari sektor pekerjaan dan pembangunan. Dari segi pekerjaan pula, majoriti penduduk setinggan di seluruh Malaysia bekerja sebagai pekerja am dan purata penduduk setinggan yang menganggur sejumlah 3.2%. Purata pendapatan isi rumah setinggan ialah RM 1 016.63 sebulan dan purata perbelanjaan isi rumah RM 579.00 sebulan. Selain itu, masalah sosial seperti kecukiran (33.4%), dadah (29.3%), lepak (29.0%) dan menconteng bangunan (13.9%) merupakan masalah utama yang sering berlaku di kawasan setinggan.

Bagi mencapai matlamat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia untuk membasmi sepenuhnya setinggan di seluruh Malaysia pada tahun 2005, maka dirumuskan tujuh (7) dasar utama yang telah dicadangkan seperti berikut :

1. *Dasar Mengemaskini Organisasi;*
2. *Mengemaskini Dasar dan Perancangan Pembasmian Setinggan*
3. *Dasar Pengalihan & Penempatan Semula Setinggan;*
4. *Dasar Mengemaskini Rekabentuk dan Garispanduan Perumahan;*
5. *Dasar Peningkatan Taraf Hidup dan Pembasmian Kemiskinan;*
6. *Dasar Meningkatkan Keselamatan dan Keamanan Negara; dan*
7. *Dasar Sistem Maklumat Setinggan Berkomputer (SMS)*

Sehubungan dengan itu, perincian cadangan dasar dan strategi ini diharap dapat membantu Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan merancang dan mengatur pelan tindakan pelaksanaan ke arah membasmi sepenuhnya setinggan di seluruh Malaysia pada tahun 2005 nanti.

Walaupun bagaimanapun, angka yang dinyatakan ini akan berubah mengikut peredaran masa bergantung kepada sejauhmana penguatkuasaan dan penglibatan pihak berkuasa tempatan dalam menangani permasalahan setinggan di kawasan pentadbiran masing-masing.

# ISI KANDUNGAN

**Makluman**

**Pemberitahuan**

**Penghargaan**

**Pakar Runding**

**Jawatankuasa Pemandu**

**Jawatankuasa Teknikal**

**Abstrak**

<b>1.0 Latar Belakang Kajian</b>	<b>1</b>
<b>2.0 Matlamat Dan Objektif Kajian</b>	<b>1</b>
<b>3.0 Penemuan Hasil Kajian</b>	<b>2</b>
3.1 <i>Pengenalan</i>	<b>2</b>
3.2 <i>Organisasi Berkaitan Setinggalan</i>	<b>4</b>
3.3 <i>Isu-Isu Dan Permasalahan Setinggalan Di Seluruh Malaysia</i>	<b>8</b>
3.4 <i>Kriteria-kriteria Untuk Mengubal Pelan Tindakan</i>	<b>33</b>
<b>4.0 Cadangan Dan Pelan Tindakan</b>	<b>33</b>
4.1 <i>Peringkat Nasional</i>	<b>36</b>
4.2 <i>Peringkat Negeri</i>	<b>38</b>
4.3 <i>Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan</i>	<b>42</b>
<b>5.0 Kesimpulan</b>	<b>46</b>

## SENARAI CARTA

Carta 1	:	<i>Hubung-Kait Antara Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Dengan Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan Dan Pihak Berkuasa Tempatan Berkaitan Program Menangani Permasalahan Setinggal Di Malaysia</i>	6
Carta 2	:	<i>Kampung Setinggal Seluruh Malaysia, 1999</i>	9
Carta 3	:	<i>Penduduk Setinggal Di Seluruh Malaysia, 1999</i>	12
Carta 4	:	<i>Peratusan Purata Penduduk Setinggal Di Seluruh Malaysia, 1999</i>	13
Carta 5	:	<i>Peratusan Penduduk Setinggal Warga Asing Di Seluruh Malaysia, 1999</i>	13
Carta 6	:	<i>Purata Ahli Isi Rumah Setinggal Dalam Satu Unit Kediaman Seluruh Malaysia, 1999</i>	17
Carta 7(a)	:	<i>Peratusan Penduduk Setinggal Mengikut Umur Di Negeri Sabah, 1999</i>	18
Carta 7(b)	:	<i>Peratusan Penduduk Setinggal Mengikut Umur Di Negeri Pahang, 1999</i>	19
Carta 7(c)	:	<i>Peratusan Penduduk Setinggal Mengikut Umur Di Negeri Perak, 1999</i>	19
Carta 7(d)	:	<i>Peratusan Penduduk Setinggal Mengikut Umur Di Negeri Kedah, 1999</i>	20
Carta 8	:	<i>Purata Penghuni Dalam Satu Bilik Di Seluruh Malaysia, 1999</i>	25
Carta 9(a)	:	<i>Peratusan Bangunan Kediaman Setinggal Mengikut Lokasi Pilihan Di Negeri Kedah, 1999</i>	28
Carta 9(b)	:	<i>Peratusan Bangunan Kediaman Setinggal Mengikut Lokasi Pilihan Di Negeri Perak, 1999</i>	28
Carta 9(c)	:	<i>Peratusan Bangunan Kediaman Setinggal Mengikut Lokasi Pilihan Di Negeri Sarawak, 1999</i>	28
Carta 9(d)	:	<i>Peratusan Bangunan Kediaman Setinggal Mengikut Lokasi Pilihan Di Negeri Sabah, 1999</i>	28
Carta 9(e)	:	<i>Peratusan Bangunan Kediaman Setinggal Mengikut Lokasi Pilihan Di Negeri Johor, 1999</i>	28
Carta 10	:	<i>Rangka Organisasi Jabatan Perumahan Negara Dalam Konteks Setinggal</i>	37
Carta 11	:	<i>Asas Pembentukan Dasar /Strategi Di Peringkat Persekutuan Dan Negeri-Negeri</i>	37
Carta 12	:	<i>Peringkat Pemprosesan Sistem Maklumat Setinggal</i>	39
Carta 13	:	<i>Contoh E-Setinggal Di Peringkat Nasional</i>	40
Carta 14	:	<i>Contoh E-Setinggal Di Peringkat Negeri</i>	43
Carta 15	:	<i>Contoh E-Setinggal Di Pihak Berkuasa Tempatan</i>	45

## SENARAI JADUAL

Jadual 1	: Bilangan Penduduk Mengikut Negeri Di Malaysia 1980-2000	3
Jadual 2	: Peratusan Kadar Kemiskinan Mengikut Negeri, 1995-1997	3
Jadual 3	: Kadar Kemiskinan Dan Bilangan Isi Rumah Miskin 1990,1995 Dan 2000	5
Jadual 4	: Senarai Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah Di Setiap Negeri	7
Jadual 5	: Bilangan Dan Peratusan Kampung Setinggalan Mengikut Negeri Dan Daerah /Parlimen Seluruh Malaysia, 1999	9
Jadual 6	: Kampung Setinggalan Mengikut Keadaan Topografi Seluruh Malaysia, 1999	11
Jadual 7	: Bilangan Penduduk Setinggalan, Bangunan Kediaman Dan Isi Rumah Setinggalan Di Seluruh Malaysia, 1999	12
Jadual 8	: Taburan Bilangan Dan Peratusan Penduduk Setinggalan Mengikut Taraf Kewarganegaraan Di Seluruh Malaysia, 1999	14
Jadual 9	: Taburan Bilangan Dan Peratusan Ketua Isi Rumah Mengikut Taraf Kewarganegaraan Di Seluruh Malaysia, 1999	15
Jadual 10	: Peratusan Faktor Berhijrah Setinggalan Seluruh Malaysia,1999	16
Jadual 11	: Peratusan Tempoh Menduduki Setinggalan Seluruh Malaysia, 1999	16
Jadual 12	: Isi Rumah Setinggalan Di Seluruh Malaysia, 1999	17
Jadual 13	: Peratusan Taraf Pendidikan Penduduk Setinggalan Seluruh Malaysia, 1999	18
Jadual 14(a)	: Ketua Isi Rumah (KIR) Setinggalan Yang Berstatus Ibu Tunggal Di Seluruh Malaysia, 1999	18
Jadual 14(b)	: Penduduk Setinggalan Yang Berstatus Ibu Tunggal Di Seluruh Malaysia, 1999	19
Jadual 15	: Peratusan Penduduk Setinggalan Mengikut Umur Di Seluruh Malaysia, 1999	19
Jadual 16	: Bilangan Dan Peratusan Penduduk Setinggalan Mengikut Pekerjaan Di Seluruh Malaysia, 1999	20
Jadual 17	: Peratusan Penduduk Setinggalan Mengikut Kadar Pengangguran Di Seluruh Malaysia, 1999	21
Jadual 18	: Purata Pendapatan Isi Rumah Setinggalan Di Seluruh Malaysia, 1999	21
Jadual 19	: Purata Pendapatan Isi Rumah (Ibu Tunggal) Di Seluruh Malaysia, 1999	21
Jadual 20	: Peratusan Isi Rumah Setinggalan Mengikut Pendapatan (Paras Kemiskinan) Di Seluruh Malaysia, 1999	22
Jadual 21	: Bilangan Bangunan Setinggalan Di Seluruh Malaysia, 1999	23
Jadual 22	: Bilangan Peratusan Bangunan Setinggalan Dan Bangunan Kediaman Setinggalan Di Seluruh Malaysia, 1999	23

Jadual 23	: Bilangan Bilik Tidur Bangunan Kediaman Setinggan Di Seluruh Malaysia, 1999	24
Jadual 24	: Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mengikut Luas Lantai Minimum (<501kp) Dan Maksimum (>2000kp) Di Seluruh Malaysia, 1999	24
Jadual 25	: Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mengikut Keadaan Bangunan (Buruk) Di Seluruh Malaysia, 1999	25
Jadual 26	: Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mengikut Status Pemilikan Rumah Dan Taraf Kewarganegaraan Di Seluruh Malaysia, 1999	26
Jadual 27	: Bilangan Dan Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mengikut Keinginan Memiliki Rumah Sendiri Di Seluruh Malaysia, 1999	26
Jadual 28	: Bilangan Dan Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mengikut Kemampuan Membeli Rumah Mengikut Harga Di Seluruh Malaysia, 1999	27
Jadual 29	: Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mengikut Keinginan Memiliki Rumah Dan Lokasi Pilihan Di Seluruh Malaysia, 1999	29
Jadual 30	: Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mendapat Bekalan Air, Elektrik Dan Sistem Pembuangan Sampah Di Seluruh Malaysia, 1999	29
Jadual 31	: Peratusan Kampung Setinggan(Jalan Masuk Utama) Di Seluruh Malaysia, 1999	29
Jadual 32	: Peratusan Bangunan Kediaman Setinggan Mengikut Jenis Penggunaan Tandas Di Seluruh Malaysia, 1999	30
Jadual 33	: Masalah Sosial Yang Berlaku Di Kawasan Setinggan Di Seluruh Malaysia, 1999	31
Jadual 34	: Taburan Bilangan Pembekalan Perumahan Kos Rendah Di Seluruh Malaysia, 1999	33
Jadual 35	: Ringkasan Isu Dan Masalah Penduduk Setinggan Dan Ketua Isi Rumah Di Seluruh Malaysia	34

## SENARAI RAJAH

<i>Rajah 1</i>	:	<i>Skop Kajian Pengawalan Dan Penempatan Semula Setinggalan</i>	2
----------------	---	---	---

## SENARAI FOTO

<i>Foto 1</i>	:	<i>Contoh Petempatan Setinggalan Di Tepi Pantai</i>	8
<i>Foto 2</i>	:	<i>Contoh Petempatan Setinggalan Di Atas Laut</i>	8
<i>Foto 3</i>	:	<i>Contoh Petempatan Setinggalan Di Tepi Sungai</i>	11
<i>Foto 4</i>	:	<i>Contoh Petempatan Setinggalan Di Atas Bukit</i>	11
<i>Foto 5</i>	:	<i>Contoh Rumah Setinggalan Yang Berkeadaan Buruk Di Atas Laut</i>	25
<i>Foto 6</i>	:	<i>Contoh Titi Kayu Merupakan Laluan Utama Petempatan Setinggalan Di Atas Laut</i>	30

# 1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dari segi penduduk Malaysia yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara, dianggarkan meningkat daripada 20.95 juta orang pada tahun 1995 kepada 22.23 juta orang pada tahun 1998 dengan kadar pertumbuhan purata 2.0% setahun. Pendapatan per kapita di Malaysia secara keseluruhannya telah meningkat daripada RM 3 599 (1985) kepada RM 7 593 (2000). Kadar kemiskinan rakyat Malaysia telah berkurangan daripada 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.9% pada tahun 1995. Selain daripada itu projek pembangunan perumahan merupakan dasar perumahan negara untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki oleh seluruh rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Penemuan kajian setinggan di seluruh Malaysia (kecuali Negeri Selangor) mendapati terdapat sebanyak 91 105 unit bangunan setinggan (dibanci 84 802 unit) manakala bangunan kediaman setinggan sebanyak 88 264 unit (dibanci 82 583 unit) dengan anggaran penduduk setinggan berjumlah 409 792 orang (dibanci 389 489 orang) yang wujud di seluruh negara. Jumlah kampung setinggan di seluruh Malaysia adalah sejumlah 789 buah kampung (kecuali Negeri Selangor) dan paling banyak terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sabah. Kebanyakan petempatan setinggan terdapat di kawasan-kawasan pantai (atas laut), bekas-bekas lombong, rezab jalan, rezab sungai, rezab keretapi dan kawasan pinggir bandar yang belum dibangunkan lagi. Selain itu wujudnya warga asing di kawasan setinggan dan didapati paling tinggi terdapat di Negeri Sabah (warga Filipina) dan diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (warga Indonesia). Penghijrahan warga asing ini tanpa kawalan mengakibatkan wujudnya pelbagai implikasi seperti petempatan warga asing, masalah sosial dan juga masalah jenayah seperti gangsterisme, kecurian, dadah, lanun dan sebagainya. Selain itu juga setinggan sering dikaitkan dengan masalah kemiskinan iaitu dari segi pendapatan dan taraf pendidikan setinggan. Daripada analisis mendapati terdapat isi rumah setinggan yang berpendapatan kurang daripada RM 460.00 sebulan (garis kemiskinan) dan juga yang berpendapatan kurang daripada RM 300.00 sebulan (golongan termiskin). Terdapatnya sebilangan penduduk yang tiada pelajaran formal dan

berpendidikan sekolah rendah. Sebagai contohnya, di Negeri Sabah terdapat ramai penduduk setinggan buta huruf dan tidak boleh membaca mengakibatkan mereka terpinggir dari sektor pekerjaan dan pembangunan.

Di anggarkan bahawa jumlah sebenar penduduk setinggan seluruh Malaysia tidak termasuk Negeri Selangor ialah 409 792 orang. Sementara itu, bangunan setinggan pula dianggarkan berjumlah sebanyak 91 105 unit. Walau bagaimanapun, jumlah unit bangunan setinggan, kediaman setinggan, isi rumah dan penduduk setinggan yang dibanci adalah seperti berikut:

Kependudukan Dan Bangunan	Jumlah Sebenar	Jumlah Dibanci
<b>A. Maklumat Kependudukan</b>		
• Jumlah Penduduk Setinggan	409 792	389 489
• Jumlah Ketua Isi Rumah	88 264	82 583
• Jumlah Isi Rumah	-	102 373
• Purata Kadar Pengangguran	-	3.2
• Purata Pendapatan Isi Rumah	-	RM 1 016.63
• Purata Perbelanjaan Isi Rumah	-	RM 579.20
<b>B. Maklumat Bangunan</b>		
• Jumlah Unit Bangunan	91 105	84 802
• Jumlah Unit Kediaman	88 264	82 583
• Purata Penghuni Dalam Satu Unit Kediaman	-	4.6 orang
• Purata Penghuni Dalam Satu Bilik	-	2.4 orang

# 2 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

Fenomena setinggan menjadi masalah utama negara sejak dari dahulu lagi dan sering dikaitkan dengan gambaran yang bercanggah dengan nilai-nilai kehidupan yang ideal yang terdapat di dalam petempatan setinggan. Antaranya masalah kesesakan penghuni, keadaan bangunan buruk dan berselerak, kemiskinan, masalah sosial, kemudahan infrastruktur, kemudahan masyarakat dan sebagainya. Di Malaysia arah pertumbuhan bandar banyak tertumpu kepada aktiviti perindustrian dan ia memberi kesan kepada pertumbuhan peluang pekerjaan dan perbandaran. Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat antara tahun 1991 hingga 1997 telah memberikan sumbangan yang besar kepada struktur perubahan sosial dan ekonomi negara yang mengarah kepada perkembangan pesat perindustrian dan perbandaran. Dengan itu juga peluang ekonomi yang lebih besar di pusat-pusat bandar terus menarik migrasi masuk. Ini mengakibatkan tumpuan penduduk di pusat-pusat bandar semakin meningkat dan pembekalan perumahan yang tidak mencukupi menyebabkan kewujudan setinggan.




Selaras dengan itu, kajian ini perlu dijalankan bagi mencari penyelesaian yang menyeluruh kepada semua permasalahan ini seterusnya ke arah mencapai matlamat pengawalan dan pembasmian sepenuhnya setinggan di seluruh Malaysia.

Kajian Pengawalan Dan Penempatan Semula Setinggan Peringkat Nasional (Seluruh Malaysia) mempunyai dua (2) tujuan utama, iaitu:

1. *Pembentukan cadangan pelan tindakan dasar, strategi dan garis panduan berkaitan pengawalan dan penempatan semula setinggan; (rujuk Kajah 1) dan*
2. *Membangunkan Sistem Maklumat Setinggan Berkomputer (SMS).*

Rajah 1 : Skop Kajian Pengawalan Dan Penempatan Semula Setinggan



Dari segi objektif kajiannya pula, terdapat enam (6) objektif utama, iaitu :

- Mengenalpasti isu dan masalah sebenar setinggan di seluruh Malaysia;*
- Meneliti dasar, strategi dan garis panduan pengawalan dan penempatan semula setinggan yang sedia ada;*
- Meneliti struktur organisasi dan kaedah/pendekatan penyelesaian masalah setinggan yang sedia ada;*
- Mengenalpasti punca-punca sebenar wujudnya setinggan;*
- Merangka cadangan pelan tindakan dasar, strategi dan garis panduan pengawalan dan penempatan semula setinggan; dan*
- Membangunkan Sistem Maklumat Setinggan Berkomputer (SMS).*

## 3 PENEMUAN HASIL KAJIAN

### 3.1 PENGENALAN

Pemazlahan setinggan turut menjadi masalah sampingan di dalam negara sedang mengejar kemajuan dan pembangunan. Penghijrahan ke kawasan bandar menjadi faktor utama kepada pertumbuhan kawasan setinggan dan keadaan ini telah menjadi bertambah rumit dengan kemastakan pekerja asing yang menyebabkan wujudnya kawasan peletempatan setinggan baru.

Kawasan petempatan setinggan yang berselerak di kawasan bandar dan membabitkan tanah-tanah milik kerajaan, swasta dan persendirian dikenalpasti berpotensi besar untuk dimajukan. Penemuan kajian (USM) mendapati sebanyak 84 802 unit setinggan (jumlah sebenar 91 105 unit) wujud di seluruh negara dengan anggaran penduduk berjumlah 389 489 orang (jumlah sebenar 409 792 orang). Kewujudan golongan yang menghuni di kawasan setinggan ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial.

Setinggan sering dianggap sebagai serpihan daripada keseluruhan masyarakat umum. Justeru itu, golongan ini sering dipandang sebagai golongan kelas bawahan yang akhirnya memberikan implikasi negatif kepada golongan ini sendiri.

Penduduk Malaysia yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara, dianggarkan meningkat daripada 20.69 juta orang pada tahun 1995 kepada 22.20 juta orang pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan purata 2.6% (tahun 1991-2000). Berdasarkan *Jadual 1* menunjukkan jumlah penduduk di Malaysia yang semakin meningkat bermula tahun 1980 hingga 1995 dan mengalami sedikit penurunan di beberapa negeri antaranya Kelantan, Terengganu dan Perak. Negeri Sabah dan Selangor telah mencatatkan peningkatan melebihi dua kali ganda bagi tempoh tersebut. Kadar jumlah tertinggi dengan pertumbuhan tahunan pula menunjukkan peningkatan pada tahun 1981 hingga 1995 tetapi menurun pada tahun berikutnya.

Jadual 1 : Bilangan Penduduk Mengikut Negeri Di Malaysia, 1980-2000

Negeri	Penduduk ('000)				Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (%)		
	1980	1991	1995	2000	1981-1991	1991-1995	1996-2000
Johor	1 580.4	2 089.7	2 443.8	2 565.7	2.5	2.8	2.2
Kedah	1 077.8	1 302.2	1 482.1	1 572.1	1.7	1.9	1.6
Kelantan	859.3	1 181.3	1 376.1	1 289.2	2.9	2.9	2.5
Melaka	446.8	506.3	571.0	602.9	1.1	1.4	1.0
Negeri Sembilan	551.4	692.9	785.6	830.1	2.1	2.0	1.6
Pahang	766.8	1 045.0	1 189.6	1 231.2	2.8	2.4	2.1
Perak	1 743.7	1 877.5	2 072.0	2 030.4	0.7	0.9	0.6
Perlis	144.8	183.8	209.1	198.3	2.2	2.3	2.0
Pulau Pinang	900.8	1 064.2	1 197.8	1 225.5	1.5	1.4	1.0
Sabah	929.3	1 734.7	2 389.0	2 449.4	5.7	6.2	5.4
Sarawak	1 235.6	1 642.8	1 885.2	2 012.6	2.6	2.2	1.8
Selangor	1 426.3	2 297.2	2 822.4	3 947.5	4.3	3.7	3.1
Terengganu	525.3	766.2	822.1	879.7	3.4	3.2	2.9
W.P. Kuala Lumpur	919.6	1 145.3	1 343.5	1 297.5	2.0	1.6	1.2
W.P. Labuan	26.4	54.2	-	70.5	2.6		2.9
	13 136.1	17 563.4	20 689.3	22 202.6	2.6	2.7	2.3

Sumber: 1. Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995.

2. Banci Penduduk Dan perumahan Malaysia, 2000.

Kadar kemiskinan rakyat Malaysia telah berkurangan daripada 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.9% pada tahun 1995 (*Jadual 2*). Selaras dengan itu juga bilangan isi rumah miskin telah berkurangan daripada 574 000 kepada 370 200. Jika bukan warganegara diambilkira kadar kemiskinan keseluruhan ialah 17.1% pada tahun 1990 dan 9.6% pada tahun 1995. Bukan warganegara mewakili 7.0% daripada jumlah golongan miskin pada tahun 1990 dan 11.0% pada tahun 1995.

Di kawasan luar bandar pula, kadar kemiskinan rakyat Malaysia berkurangan daripada 21.1% pada tahun 1990 kepada 15.3% pada tahun 1995, sementara bilangan isi rumah miskin berkurangan sebanyak 42.0% daripada 492 500 kepada 285 600. Bagi kawasan bandar pula, kadar kemiskinan berkurang daripada 7.1% kepada 3.7%, bilangan isi rumah miskin meningkat sedikit daripada kira-kira 82 000 kepada 84 600. Peningkatan jumlah penduduk miskin di bandar adalah disebabkan oleh definisi semula kawasan bandar pada tahun 1991.

Jadual 2 : Peratusan Kadar Kemiskinan Mengikut Negeri, 1995-1997

Negeri	Warganegara Malaysia		Bukan Warganegara	
	1995	1997	1995	1997
Johor	3.1	1.6	3.2	1.6
Kedah	12.2	11.5	12.1	11.5
Kelantan	22.9	19.2	23.4	19.5
Melaka	5.3	3.5	5.2	3.6
Negeri Sembilan	4.9	4.7	4.8	4.5
Pahang	6.8	4.4	6.8	4.1
Perak	9.1	4.5	9.1	1.5
Perlis	11.8	10.7	12.7	10.6
Pulau Pinang	4.0	1.7	4.1	1.6
Sabah (termasuk W. P. Labuan)	22.6	16.5	26.2	22.1
Sarawak	10.0	7.3	10.0	7.5
Selangor	2.2	1.3	2.5	1.3
Terengganu	23.4	17.3	23.4	17.3
W.P.K.L	0.5	0.1	0.7	0.1
<b>Malaysia</b>	<b>8.9</b>	<b>6.1</b>	<b>9.6</b>	<b>6.8</b>

Sumber: Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000

Isi rumah miskin di kawasan tepu bina atau pinggir bandar iaitu 6.0% daripada jumlah isi rumah miskin yang sebelum ini ditakrifkan sebagai luar bandar telah diklasifikasikan sebagai bandar dan seterusnya menjadi sebahagian daripada golongan miskin di bandar. Golongan miskin bandar yang wujud ini akan menjuruskan kepada penubuhan kampung-kampung setinggan di pinggir-pinggir bandar.

Kewujudan kampung-kampung setinggan ini adalah bertujuan untuk mengelak daripada membayar sewa rumah yang mahal yang ternyata tidak mampu untuk dibayar oleh mereka. Peratusan kadar kemiskinan rakyat Malaysia telah mengalami penurunan yang begitu ketara sekali iaitu daripada 8.9% pada tahun 1995 kepada 6.1% pada tahun 1997. Bagi penduduk Malaysia keseluruhan termasuk bukan warganegara telah mengalami penurunan iaitu dari 9.6% kepada 6.8%.

Berdasarkan *Jadual 3*, dapat dilihat dengan jelas bahawa semua negeri telah mengalami penurunan dalam angka kemiskinan. Contohnya, Negeri Kelantan telah mengalami pengurangan kemiskinan dari 22.9% (1995) kepada 19.2% (1997) iaitu pengurangan sebanyak 3.7% dalam jangka masa 2 tahun.

### 3.2 ORGANISASI BERKAITAN SETINGGAN

Agensi-agensi kerajaan yang terlibat dan hubungkait di antara mereka berkaitan dengan setinggan terbahagi kepada dua iaitu di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Tempatan. Kelemahan yang nyata wujud di kalangan agensi pelaksana ini adalah proses permohonan perumahan kos rendah didapati tidak mengambilkira golongan setinggan menyebabkan masalah ini tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Bagi agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan, ia adalah merujuk kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Di dalam kementerian ini terdapat 5 jabatan (tidak termasuk pentadbiran) yang terlibat secara langsung dalam menangani isu-isu mengenai setinggan. Antaranya ialah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Jabatan Landskap Negara (rujuk *Carta D*).

#### i. Peringkat Kerajaan Persekutuan Dan Kementerian Sabah Dan Sarawak

Agensi Kerajaan Persekutuan yang utama merujuk kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Unit Perancangan Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri. Bagi Negeri Sarawak terdapatnya kementerian yang terlibat secara langsung dengan setinggan adalah seperti berikut:

- a. Kementerian Alam Sekitar dan Perumahan
- b. Kementerian Kemajuan Tanah

Manakala di Negeri Sabah pula, terdapatnya Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah yang terlibat secara langsung dengan setinggan. Pada dasarnya, UPE melihat setinggan sebagai satu entiti petempatan yang memerlukan peningkatan taraf hidup walaupun ia menduduki tanah kerajaan atau persendirian secara haram.

Antara rasionalnya ialah:

- i. Mengelakkan daripada bertambahnya masalah-masalah sosial yang berkaitan ekoran kepesatan proses pembandaran;
- ii. Merapatkan jurang perbezaan sosial dan ekonomi antara golongan terpinggir dengan golongan kaya melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan sosial sekurang-kurangnya pada peringkat asas di kawasan setinggan; dan
- iii. Memastikan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi bandar dapat terus berkekalan.

#### ii. Peringkat Kerajaan Tempatan

##### a. Majlis Bandaraya/Perbandaran Dan Majlis Daerah


Di Malaysia terdapat tiga bentuk Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Dewan/Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Kesemuanya berjumlah 146 buah iaitu 7 buah Bandaraya (tidak termasuk W.P. Kuala Lumpur), 23 Majlis Perbandaran dan 116 Majlis Daerah.

Jadual 3 : Kadar Kemiskinan Dan Bilangan Isirumah Miskin, 1990, 1995 dan 2000

Kadar Kemiskinan	1990			1995			2000		
	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Warganegara Malaysia Sahaja									
Kadar Kemiskinan (%)	16.5	7.1	21.1	8.9	3.7	15.3	5.5	2.2	10.3
Bil. Isirumah Miskin ('000)	574.5	82.0	492.5	370.2	84.6	285.6	253.4	59.9	193.5
Kadar Kemiskinan Golongan Termiskin (%)	3.9	3.9	5.2	2.1	0.8	3.7	0.5	0.1	1.0
Bil. Isirumah Golongan Termiskin ('000)	137.1	137.1	121.6	88.4	19.2	69.2	23.0	3.2	19.8
<b>Jumlah Isirumah ('000)</b>	<b>3 486.6</b>	<b>3 486.6</b>	<b>2 337.3</b>	<b>4 140.6</b>	<b>2 270.3</b>	<b>1 870.3</b>	<b>4 607.2</b>	<b>2 732.6</b>	<b>1 874.6</b>

Sumber : Rancangan Malaysia Ke Tujuh 1996-2000

Carta 1 : Hubung-kait Antara Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Dengan Agensi-Agensi Kerajaan Persekutuan Dan Pihak Berkuasa Tempatan Berkaitan Program Menangani Permasalahan Setinggan Di Malaysia.



Bagi Semenanjung Malaysia, pihak yang terlibat secara langsung dengan setinggan adalah seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), majlis-majlis perbandaran seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), majlis bandaraya seperti Majlis Bandaraya Kota Kinabalu dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MJBH) dan majlis daerah lain seperti Majlis Daerah Kulim, Majlis Daerah Segamat dan Majlis Daerah Tampin yang terletak di bawah kerajaan negeri masing-masing (trujuk *Jadual 4*).

**Jadual 4 : Senarai Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah Di Setiap Negeri**

Negeri	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Jumlah
Perlis	-	1	-	1
Kedah	-	3	-	12
Pulau Pinang	-	2	-	2
Perak	1	1	13	15
Kelantan	-	1	11	12
Terengganu	-	1	6	7
Pahang	-	2	9	11
Johor	2	-	12	14
N Sembilan	-	1	7	8
Selangor	1	6	5	12
Melaka	-	1	2	3
Sarawak	2	-	23	25
Sabah	1	3	19	23
W.P.Labuan	-	1	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>23</b>	<b>116</b>	<b>146</b>

Sumber : Pakar Runding USM, 1999.

Bagi Negeri Sabah, ia mempunyai sedikit kelainan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia kerana ia mempunyai unit-unit dan bahagian-bahagian yang khusus dalam menangani isu dan masalah setinggan. Contohnya Majlis Bandaraya Kota Kinabalu dan Majlis Perbandaran Sandakan dan majlis-majlis daerah seperti Majlis Daerah Kudat dan Majlis Daerah Papar.

Bagi Negeri Sarawak pula, terdapatnya Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Dewan Bandaraya Kuching Selatan yang terlibat secara langsung dengan setinggan. Selain itu bagi bahagian-bahagian di Negeri Sarawak lainya di bawah majlis-majlis daerah seperti Majlis Daerah Sibu, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Miri. Selain daripada itu, juga terdapat pejabat-pejabat tanah di setiap negeri yang bertanggungjawab dalam memproses permohonan berkaitan dengan pembangunan tanah (yang melibatkan kawasan petempatan setinggan) mengikut dasar dan strategi program setinggan di negeri masing-masing.

## b. Perlembagaan

Di dalam Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan telah disenaraikan di dalam senarai negeri. Ini bermakna Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Artikel 76(4) Perlembagaan tersebut telah menyatakan bahawa undang-undang boleh digubal untuk tujuan menentukan keseragaman undang-undang dan dasar dalam Kerajaan Tempatan.

Bagi tujuan ini, Majlis Negara Kerajaan Tempatan telah ditubuhkan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti Kerajaan Tempatan yang melibatkan negeri dan persekutuan.

## c. Majlis dan Mesyuarat Majlis

Majlis merupakan badan penting di dalam sesebuah pihak berkuasa tempatan yang terlibat di dalam proses membuat keputusan. Terdapat dua bentuk 'Majlis' iaitu yang berbentuk 'memberi nasihat' dan 'yang mempunyai kuasa'. Kemampuan majlis untuk membuat keputusan dalam menguruskan aktiviti-aktiviti di kawasan pihak berkuasa tempatan bergantung kepada bentuknya. Di Malaysia, majlis yang ditubuhkan di majlis-majlis perbandaran dan majlis daerah lebih berbentuk 'mempunyai kuasa'. Majlis-majlis ini memainkan peranan penting di dalam proses membuat keputusan. Mesyuarat majlis adalah mekanisma yang digunakan di dalam proses membuat keputusan. Lazimnya, mesyuarat diadakan sebulan sekali seperti kehendak Seksyen 20, Akta Tempatan 1976. Walau bagaimanapun Yang Dipertua boleh mengadakan mesyuarat khas. Kebanyakan pihak berkuasa tempatan akur kepada peniaduan mesyuarat majlis yang ditetapkan oleh akta tersebut.

Berdasarkan jumlah keseluruhan pihak berkuasa tempatan negeri-negeri di Malaysia, didapati Negeri Sarawak mempunyai bilangan Pihak Berkuasa Tempatan yang paling banyak iaitu 25 majlis berbanding dengan negeri-negeri lain. Manakala Negeri Sabah pula mempunyai 23 majlis dan Negeri Perlis pula hanya mempunyai satu Pihak Berkuasa Tempatan sahaja.

Setingan merupakan salah satu isu nasional yang amat sensitif terutama bagi negeri-negeri yang mempunyai statistik kependudukan setingan yang tinggi. Ini kerana jika terdapat percaturan membuat keputusan pengambilan tanah-tanah yang diduduki setingan tanpa kajian yang menyeluruh dan perancangan yang teliti boleh menggugat kestabilan politik dan perkembangan ekonomi di bandar.

Bagi kawasan setingan yang terlibat dengan perancangan pengambilan balik tanah oleh pihak kerajaan, formula-formula lain pula diperlukan. Ia penting bagi meningkatkan taraf hidup penduduk setingan di samping menghalang kemasukan setingan atau pemintaan unit-unit kediaman baru dengan lebih berkesan. Sehubungan dengan itu, dalam mencari satu set formula/dasar pengawalan dan pembasmian yang lebih konkrit dan menyeluruh, maka penelitian dari sudut kependudukan setingan dan dasar-dasar yang sedia ada diperlukan.

### 3.3 ISU-ISU DAN PERMASALAHAN SETINGGAN DI SELURUH MALAYSIA

Pembangunan pesat yang dialami negara menyebabkan keperluan tanah semakin terhad dan sukar untuk dilaksanakan pembangunan khasnya di kawasan bandar. Penghijrahan ke kawasan bandar dikatakan menjadi faktor utama kepada pertumbuhan kawasan-kawasan setingan dan keadaan ini bertambah rumit dengan kemasukan pekerja asing dan turut menjadi penduduk setingan.

Selain itu, penghijrahan golongan yang kurang berkemampuan serta kesukaran untuk mendapatkan tempat tinggal melalui penyewaan dan pemilikan rumah secara sah dan formal menyebabkan mereka menerima tanah-tanah kerajaan atau tanah milik individu yang terbiar. Sebahagian besar tanah-tanah ini adalah melibatkan kawasan-kawasan pantai (atas laut), bekas-bekas lombong, rezab jalan, rezab sungai, rezab keretapi dan kawasan pinggir bandar yang belum dibangunkan lagi (rujuk *Kota 7*).



Foto 1 : Contoh Pempatan Setingan Di Tepi Pantai

Tindakan mengenalpasti kawasan pempatan setingan yang berselerak di kawasan bandar dan membangunkan tanah-tanah milik kerajaan, swasta dan persendirian yang berpotensi besar untuk dimajukan mampu mengatasi masalah setingan sekaligus perumahan kos rendah yang mencukupi. Penemuan kajian mendapati sebanyak 84 802 unit bangunan setingan (jumlah sebenar ialah 91 105 unit bangunan setingan) manakala bangunan kediaman setingan sebanyak 82 583 unit (jumlah sebenar 88 264 unit) yang wujud di seluruh negara (tidak termasuk jumlah setingan di Negeri Selangor iaitu sebanyak 33 829 unit setingan) dengan anggaran penduduk setingan di seluruh negeri ialah berjumlah 389 489 orang (jumlah sebenar penduduk setingan ialah 409 792 orang).

#### 3.3.1 Pempatan Penduduk Setingan


##### A. Kampung Setingan

Bilangan kampung setingan di seluruh Malaysia adalah sejumlah 1 037 buah kampung. Analisis mendapati Negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu (248 buah kampung), W.P. Kuala Lumpur (197 buah kampung), Negeri Sabah (143 buah kampung), W.P. Labuan (sebuah kampung) manakala Negeri Melaka (5 buah kampung) dan Negeri Sembilan (9 buah kampung) antara negeri yang mempunyai jumlah yang paling sedikit dibandingkan dengan negeri-negeri lain (rujuk *Carta 2* dan *Foto 2*).



Foto 2 : Contoh Pempatan Stingan Di Atas Laut

Carta 2 : Kampung Setinggalan Seluruh Malaysia, 1999



Sumber : Pakar Runding USM, 1999

## B. Kampung Setinggalan Mengikuti Parlimen

Dari segi taburan kampung setinggalan mengikut parlimen, didapati Negeri Sabah mempunyai jumlah kampung terbesar terutamanya di Parlimen Marudu (40 buah kampung) diikuti Parlimen Sandakan (28 buah kampung), Parlimen Gaya (18 buah kampung) dan Parlimen Tawau (16 buah kampung). Parlimen Labuan dan Parlimen Papar pula mempunyai jumlah kampung yang paling sedikit iaitu masing-masing sebuah kampung. Manakala bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula terdapat 197 buah kampung setinggalan dan kampung setinggalan paling banyak terdapat di Parlimen Titiwangsa (31 buah kampung) diikuti Parlimen Segambut (26 buah kampung), Parlimen Batu (25 buah kampung) dan Parlimen Cheras (23 buah kampung).

Negeri Melaka adalah negeri yang paling sedikit kampung setinggalan iaitu sebanyak 5 buah kampung dan ia terdapat di Parlimen Alor Gajah dan Parlimen Jasin masing-masing 2 buah kampung dan Parlimen Batu Berendam sebuah kampung setinggalan (rujuk *Jadual 5*).

Jadual 5 : Bilangan Dan Peratusan Kampung Setinggalan Mengikuti Negeri Dan Daerah/Parlimen Seluruh Malaysia, 1999

Negeri / Daerah / Parlimen	Bil. Kampung	Bil. Ketua Isi Rumah
<b>A. NEGERI SELANGOR</b>		
Jumlah Kecil	248	33 829
<b>B. NEGERI SABAH</b>		
<b>Bahagian Pantai Barat</b>		
Kinabalu	2	231
Gaya	18	4 154
Tanjong Aru	2	182
Penampang	9	1 004
Papar	1	66
<b>Bahagian Tawau</b>		
Silam	13	5 619
Semporna	12	2 122
Tawau	16	1 488

## Sambungan...

Negeri / Daerah / Parlimen	Bil. Kampung	Bil. Ketua Isi Rumah
<b>Bahagian Sandakan</b>		
Uluarab	2	640
Sandakan	28	11 221
<b>Bahagian Kudat</b>		
Marudu	40	3 352
Jumlah Kecil	143	30 079
<b>C. WP.K.L.</b>		
Titiwangsa	31	2 951
Segambut	26	2 440
Batu	25	2 625
Cheras	23	2 816
Lembah Pantai	21	3 658
Bandar Tun Razak	18	2 137
Seputih	15	916
Bukit Bintang	14	1 529
Wangsa Maju	13	2 670
Kepong	11	2 228
Jumlah Kecil	197	23 970
<b>D. NEGERI JOHOR</b>		
<b>Daerah Johor Bahru</b>		
Johor Bahru	27	3 462
Tebrau	26	2 031
Pulai	5	751
Gelang Patah	13	947
<b>Daerah Segamat</b>		
Labis	1	27
